

TINJAUAN AWAL TEORI TANGGUNGJAWAB SOSIAL AKHBAR DALAM ANALISIS TAJUK UTAMA MUKA DEPAN BERITA HARIAN 2013

Norhuda Salleh

Teori tanggungjawab sosial berteraskan kepada kebebasan adalah seiring dengan kewajipan namun ada larangan atau batasan dari sudut moral dan etika. Secara tuntasnya teori ini mempunyai asas yang sama dengan teori liberitarian yang berpegang kepada kebebasan akhbar. Akhbar bebas melaporkan kepada masyarakat apa jua kejadian yang difikirkan memberi manfaat namun pada masa sama turut dibebani tanggungjawab terhadap keselamatan, pembangunan dan pembentukan masyarakat tanpa prasangka dan niat buruk. Fungsi akhbar sebagai penyampai maklumat, tempat himpunan dan takungan idea serta perbincangan bertujuan mendatangkan impak positif kepada masyarakat. Sehubungan itu, penulisan ini mengetengahkan hasil kajian berhubung teori tanggungjawab sosial yang diimplementasikan dalam penghasilan berita oleh Berita Harian (BH). Kajian hanya melibatkan muka depan akhbar BH sahaja. Analisis dilakukan untuk tempoh 12 bulan bermula Januari 2013 hingga Disember 2013. Dapatan kajian dihuraikan mengikut tema yang dibangunkan meliputi tema politik, ekonomi, dan sosial.

Kata Kunci: Teori Tanggung jawab sosial, kebebasan akhbar, fungsi akhbar, muka depan.

PENGENALAN

Media dalam bahasa Latin menurut Normah Mustafa *et al* (2009) ialah saluran yang menghubungkan sumber kepada penerima melalui perantara-perantara tertentu. Harriss, Leiter, & Johnson (2000) menyatakan media massa merupakan sumber utama maklumat bagi kebanyakan orang. Manakala Couldry (2003) menjelaskan media ialah gabungan medium komunikasi (radio, muzik, rekod, Internet, televisyen, akhbar, filem dan video-produk) atau teks kepada medium lain. Jelas di sini surat khabar terangkum dalam media massa dalam penyampaian maklumat kepada khalayak. Organisasi media yang memayungi akhbar di Malaysia pada hari ini merupakan sebuah institusi yang menyediakan infrastruktur kepada masyarakat dalam aliran maklumat yang perlu diketahui ataupun yang ingin diketahui oleh masyarakat. Masterman (2001) menjelaskan media merupakan satu sistem pendidikan - sebuah sistem sosial yang merangkumi institusi, industri dan kemahiran budaya yang digabung jalin. Dengan kata lain, media merupakan satu sistem pendidikan yang mana khalayak mempelajari sesuatu yang baharu, sama ada yang diketahui atau belum diketahui.

Media disifatkan instrumen demokrasi yang menzahirkan penambahbaikan pemikiran individu melalui cara yang lebih positif. Dengan itu, media mempunyai kemampuan dalam melaksanakan tanggungjawab sosial yang lebih baik kepada khalayaknya bagi memastikan masyarakat kita dilimpahi maklumat yang bernas dan sahih. Finnegan (1942) menegaskan media ialah sumber ilmu dan informasi bagi masyarakat. Hasmah Zanuddin & King (2006) pula menambah apa-apa yang dibaca, didengar, dan dilihat oleh khalayak menerusi persekitaran mereka boleh mewujudkan suatu pandangan dan persepsi khalayak yang berlainan. Sehubungan itu, profesionalisme dan kepakaran dalam penulisan dan

penyampaian berita oleh pengamal media haruslah dibaiki dan diperkuatkan mengikut kepentingan dan tanggungjawab sosial yang besar terhadap para pembaca.

Berita ialah laporan mengenai fakta atau idea terbaru yang benar dan penting bagi sebahagian khalayak, melalui media sama ada media cetak seperti surat khabar, media elektronik seperti radio, televisyen mahupun media baharu iaitu Internet. Secara mudahnya berita difahami sebagai sesuatu maklumat baru yang menarik khalayak. Blake & Haroldsen (1979) menjelaskan berita merupakan satu bentuk laporan mengenai sesuatu kejadian ataupun perkara yang telah berlaku. Manakala Maeseneer (1986) menjelaskan bahawa hakikatnya tidak ada satu makna yang universal terhadap berita. Namun beliau menjelaskan bahawa berita merupakan sesuatu maklumat yang baru mengenai sesuatu peristiwa yang berlaku dan ia memberi kesan kepada khalayak. Spencer (2009) juga berkongsi pendapat yang sama iaitu berita merupakan satu kenyataan atau idea yang benar yang dapat menarik perhatian sebahagian besar pembaca.

Jelas bahawa berita ialah peristiwa yang berlaku iaitu bersifat semasa dan ia membawa makna kepada pembacanya. Apa yang penting berita harus berdasarkan kebenaran dan tidak memihak. Dalam konteks kajian, berita yang ditulis ditentukan oleh wartawan yang melaporkan dan kemudian ditentu sahkan oleh pengempang maklumat.

Sedikit latar belakang sejarah sistem akhbar di Malaysia menunjukkan ia mewarisi sistem akhbar yang ditinggalkan oleh British apabila Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Dalam konteks pengamalan teori akhbar klasik, Malaysia merupakan antara negara yang mempraktikkan Teori Tanggungjawab Sosial. Perkara ini dilihat bertepatan dengan amalan sistem negara demokrasi berparlimen yang diamalkan di Malaysia. Sehubungan itu pengamal media di Malaysia wajar menelaah teori ini dengan baik memandangkan Malaysia wujud dari sebuah lembaran sejarah pembentukan negara yang unik dengan kepelbagaian etnik.

Kertas kerja ini merupakan usaha awal dalam mengenal pasti peranan yang dimainkan oleh media dalam memilih tajuk utama untuk dipaparkan pada muka depan akhbar Berita Harian (BH) sebagai salah satu cabang tanggung jawab sosial penyebaran maklumat.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mengenal pasti tema tajuk utama muka depan akhbar BH bagi tempoh Januari hingga Disember 2013 dalam mengaplikasikan teori tanggungjawab sosial akhbar. Kajian juga menganalisis tema yang menjadi pilihan BH untuk dipaparkan sebagai tajuk utama muka depan dalam menarik perhatian pembaca.

SOROTAN LITERATUR

Teori tanggungjawab sosial berkembang pada abad ke-20 berasaskan revolusi komunikasi dan merupakan lanjutan daripada falsafah libertarian. Teori ini menegaskan media menyedari tanggungjawab mereka untuk menyelesaikan konflik melalui perbincangan dan menggalakkan masyarakat memberikan pendapat, tindakan pengguna, hak peribadi dan

kepentingan keperluan sosial. Tunjang utama teori ini ialah kebebasan dalam melaksanakan tugas seiring dengan tanggungjawab. Akhbar mempunyai kewajipan untuk bertanggungjawab kepada masyarakat. Jika akhbar tidak berbuat demikian maka agensi dalam masyarakat yang lain perlu melaksanakannya. Pendapat awam dan tindakan pengguna boleh menjamin supaya akhbar melaksanakan kewajibannya. Teori ini membawa kepada penubuhan Majlis Akhbar, merangka kod etika dan undang-undang anti monopoli di beberapa negara termasuk Malaysia.

Merujuk Empat Teori Akhbar Siebert, Peterson, & Schramm (1976), sistem media; atau dipanggil sistem akhbar dahulunya (media massa iaitu akhbar dan televisyen), mempunyai kewajipan untuk memenuhi tanggungjawab kepada masyarakat dalam melaksanakan fungsi penyebaran maklumatnya. Dengan itu, kewujudan teori tanggungjawab sosial, khusus bagi menjelaskan peranan media yang bertanggungjawab memberi kebebasan maklumat kepada masyarakat, namun juga tertakluk kepada kewajipan sosial media itu sendiri. Sejalan dengan itu McQuail (2002) menegaskan ia juga bermaksud bahawa kuasa media bukanlah hanya mempromosi idea dan imej tertentu, tetapi kuasa media juga apabila ia mempunyai kebolehan menjadi pengempang maklumat (*gatekeeper*) kepada masyarakat.

McQuail (2010) menjelaskan prinsip-prinsip asas Teori Tanggungjawab Sosial sebagai a) media perlu menerima dan memenuhi kewajipan tertentu kepada masyarakat; b) kewajipan ini berteraskan profesionalisme seperti kualiti maklumat, kebenaran, ketepatan dan kesesuaian dan seimbang; c) mengawal diri dan bertindak dalam lingkungan undang-undang dan institusi yang dibangunkan; d) Menghindari mesej yang boleh memudaratkan masyarakat dan negara; e) Memberi peluang kepada rakyat untuk mengemukakan pandangan yang memberi kesan baik; dan f) Individu yang terlibat dengan tanggungjawab media komunikasi mestilah bertanggungjawab terhadap majikan dan negara. Mohd Safar Hasim (1996) menjelaskan di bawah teori ini media mempunyai peranan yang penting untuk dimainkan dan mesti dibenarkan ruang yang besar untuk memainkan peranan ini, termasuk untuk mengkritik autoriti. Berteraskan kepada kekuatan nilai yang terdapat dalam teori ini Safar mengangkat teori ini sebagai teori yang paling berkesan dan baik untuk diamalkan dalam sistem akhbar mana-mana negara. Sehubungan itu kertas ini mengenal pasti sejauh mana BH memainkan peranan ini dari sudut pemilihan tajuk utama muka depan yang dipilih oleh mereka.

Snider, Hill, & Martin (2003) menegaskan tanggungjawab sosial difahami secara tradisi sebagai sesuatu yang menyamai dengan menjadi warganegara yang baik diterjemahkan kepada syarikat. Ia menjurus kepada isu tertentu seperti alam sekitar, sosial atau dasar komuniti penyayang. Sehubungan itu, konsep yang sama turut digunakan oleh Adams-Bloom & Cleary (2009) berhubung teori tanggungjawab sosial dalam media dengan menegaskan bahawa prinsip tanggungjawab sosial digunakan untuk menangani isu-isu yang benar, objektif dan adil dalam kandungan media. Dalam hubungan tanggungjawab sosial dan ekonomi sesebuah media Adams-Bloom & Cleary (2009) turut menjelaskan tanggungjawab sosial juga perlu berubah terutama dengan perkembangan saluran-saluran baru media kini, yang juga telah mengubah bagaimana khalayak menggunakan kandungannya, seterusnya memaksa institusi media melaksanakan perubahan yang sepatutnya dalam mendapatkan keuntungan.

Dalam konteks pelaporan berita pula tanggungjawab sosial media yang melibatkan apa yang disebut sebagai kewartawanan pembangunan meliputi perkara a) Menyokong usaha pembangunan sejajar dengan dasar dan polisi kerajaan; b) Membangunkan masyarakat dengan maklumat yang mengandungi ilai-nilai budaya yang baik; c) Individu yang terlibat dengan media komunikasi perlu bebas untuk mendapatkan maklumat dalam batasan

undang-undang serta perlu bertanggungjawab terhadap maklumat tersebut. Paling utama kerajaan mempunyai hak campur tangan dalam mana-mana organisasi media komunikasi bagi memastikan proses pembangunan masyarakat dan negara dapat berjalan dengan baik. Sehubungan itu, institusi media yang berkhidmat kepada masyarakat perlu bertanggungjawab atas setiap kandungan penerbitan dalam era globalisasi yang menyaksikan demokrasi maklumat berkembang.

Muka depan sesuatu akhbar mempunyai tarikan tersendiri kepada pembaca kerana kepentingan sesuatu berita, pandangan atau orientasi akhbar tersebut iaitu pandangan pengempang maklumat (*gatekeeper*) tercermin di dalamnya. Berita muka depan di kombinasi bersama gambar warna bagi menonjolkan berita yang disiarkan oleh sesebuah syarikat akhbar. Biasanya gambar yang diletakkan bersama berita di muka depan akhbar sesuatu yang mempunyai nilai sama ada dari sudut berita mahupun nilai seni. Gambar ini sebagai penguat dan daya penarik berita yang dipaparkan.

Clayman & Reisner (1998) menjelaskan muka depan merupakan halaman yang paling penting dalam akhbar. Ia sebagai daya penarik kepada pembaca dan mewakili apa yang terdapat di dalamnya yang memungkinkan akhirnya pembaca membelinya atau tidak. Oleh itu pemilihan berita muka depan dipilih dengan teliti untuk menarik perhatian sebilangan besar pembaca yang berpotensi untuk terus membaca. Setiap hari penyunting akhbar akan membuat perbincangan untuk memilih berita yang mereka percaya mempunyai "nilai berita" (*newsworthiest*) bagi diletakkan di muka depan akhbar untuk siaran keesokan hari. Chang & Lee (1992) dan Harcup & O'niell (2001) sependapat menegaskan terdapat beberapa faktor yang digunakan oleh editor apabila menentukan muka depan akhbar dengan melihat "nilai berita" (*newsworthiness*) seperti ketepatan, kedekatan atau kepentingan.

Selanjutnya kajian berhubung penulisan editorial dalam akhbar yang dilakukan oleh Clayman & Reisner (1998) mendapati bahawa analisis berita yang dipilih untuk penerbitan akhbar dijadikan instrumen dalam menyediakan penulisan editorial. Walau bagaimanapun hanya sebahagian kecil yang mengetahui tentang keberkesanan kaedah semasa dan kriteria untuk memilih berita yang disiarkan. Sebenarnya tidak jelas bagaimana wartawan dan editor memilih sesuatu berita untuk dimuatkan dalam muka depan sama ada mengikut tradisi syarikat akhbar, untuk kepentingan pembaca atau mereka benar-benar mewakili kepentingan awam. Sehubungan itu penulisan ini merupakan kajian rintis mengenal pasti jenis berita yang dipilih untuk menjadi muka depan akhbar bagi BH sepanjang tahun 2013. Analisis dibahagikan mengikut klasifikasi berita iaitu politik, ekonomi dan sosial.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi mengenal pasti tema yang digunakan sebagai muka depan akhbar BH, kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan. Walizer & Wiener (1978) mendefinisikan kaedah analisis kandungan sebagai satu kaedah yang sistematik untuk mengenal pasti kandungan terhadap maklumat yang direkodkan. Maklumat dalam konteks kajian ini ialah tema yang digunakan bagi membentuk sesuatu tajuk yang dipilih sebagai muka depan akhbar BH. Analisis kandungan harus bersifat objektif. Dalam erti kata lain, tiada unsur berat sebelah atau kesukaan penyelidik dimasukkan dalam hasil yang dilaporkan. Definisi operasional dan klasifikasi arahan terhadap pemboleh ubah perlu jelas dan komprehensif supaya hasil dan keputusan yang sama akan diperoleh jika penyelidik lain mengulang semula proses yang

telah dibuat. Walau bagaimanapun, jika sebuah kriteria dan prosedur telah dibangunkan secara terperinci mengenai contoh dan kategori kaedah, maka kebolehpercayaan hasil kajian mungkin dijawab menerusi persoalan Hansen, Negrine, & Newbold (1998) dan Wimmer & Dominick (1991).

Kajian ini merupakan tinjauan awal berhubung teori tanggungjawab sosial yang diguna pakai dalam konteks pemilihan tema untuk tajuk muka depan akhbar. Sehubungan itu penyelidik membangunkan jadual pecahan tema untuk tajuk muka depan akhbar BH kepada tiga iaitu tema ekonomi, politik dan sosial. Tema politik merujuk kepada berita yang berkait dengan isu-isu politik seperti polisi kerajaan, berita yang memetik ahli politik, kehidupan ahli politik, lawatan ahli politik, raja, sultan atau Agong. Tema ekonomi merujuk kepada berita yang membincangkan hal ehwal berhubung perdagangan, pelaburan dan mata wang. Tema sosial meliputi semua yang tidak termasuk dalam tema politik dan ekonomi. Tema sosial dipecahkan kepada 14 sub tema yang merangkumi jenayah, ancaman keselamatan, alam sekitar, pendidikan, kesihatan, hiburan, infrastruktur, taraf hidup, agama, kemalangan, sukan, perpaduan, undang-undang dan keamanan dan hak asasi. Kajian dilakukan bagi tempoh 12 bulan bermula Januari dan berakhir 31 Disember 2015.


Akhbar BH dipilih kerana peningkatan pembaca yang begitu ketara iaitu sebanyak 278,000 orang kepada 1.225 juta orang pada Jun 2015 daripada 947,000 pada Julai 2014 sebagaimana yang dilaporkan oleh Sharizan Sailan (2015) dalam BH pada 18 September dengan memetik sumber daripada kajian oleh Neilsen Malaysia. Ia jauh meninggalkan pesaing terdekat akhbar itu sebelum ini Utusan Malaysia dengan jumlah pembaca 1.5 juta. Lain-lain akhbar yang berbahasa Melayu yang terdapat di Malaysia ialah Metro, Kosmo, Sinar Harian Utusan Borneo dan Utusan Sarawak.

ANALISA DATA

Data daripada 12 bulan tajuk muka depan berjumlah 365 menurut jumlah bilangan hari bagi tahun 2013. Namun begitu hanya sejumlah 353 data dapat dianalisis kerana 12 tajuk utama muka depan BH tiada dalam simpanan pihak arkib. Bulan-bulan yang tidak mempunyai data lengkap ialah Ogos (28 sahaja), November (29 hari), Disember (30 hari).


Hasil kajian jumlah tajuk bagi muka depan BH untuk tempoh 12 bulan bermula Januari 2015 hingga 31 Disember 2015 mendapati sejumlah 353 daripada 365 tajuk muka depan diperoleh. Bagi pecahan tema pula sejumlah 15 peratus (48 tajuk muka depan) tema ekonomi, 36 peratus (127 tajuk muka depan) tema politik. Manakala sejumlah 50 peratus (178 tajuk muka depan akhbar) BH membawa tema sosial. Daripada jumlah 178 tajuk muka depan BH tema sosial bagi tempoh 12 bulan kajian ini turut membuat pecahan sub tema sosial kepada 14 yang merangkumi jenayah, ancaman keselamatan, alam sekitar, pendidikan, kesihatan, hiburan, infrastruktur, taraf hidup, agama, kemalangan, sukan, perpaduan dan keamanan, undang-undang dan hak asasi.

Rajah 1: Peratusan Pecahan Tajuk Utama Muka Depan BH bagi tempoh Januari hingga Disember 2013



Jadual 1: Pecahan Tajuk Utama Muka Depan BH Januari hingga Disember 2013 mengikut tema. Sumber: Kajian Lapangan, 2015.


BULAN	POLITIK	EKONOMI	SOSIAL
Januari	7	10	13
Februari	15	4	5
Mac	5	3	23
April	27	0	3
Mei	23	1	6
Jun	12	1	17
Julai	3	6	20
Ogos	5	6	18
September	9	6	17
Oktober	8	6	16
November	4	3	22
Disember	10	2	18
JUMLAH	127	48	178



Rajah 2: Tajuk Utama Muka Depan BH Mengikut Tema Bagi Tempoh Januari hingga Disember 2015.

Klasifikasi sub tema sosial diwujudkan kerana tema ini lebih melibatkan berita untuk rakyat secara menyeluruh. Kajian ini merupakan kajian rintis untuk melihat secara tidak langsung sama ada akhbar BH dalam konteks kajian turut memainkan peranan dalam membantu kerajaan memberi maklumat kepada masyarakat tentang dasar kerajaan. Dalam meningkatkan kehidupan rakyat kerajaan melalui pelaksanaan NRKA mengurangkan jenayah (NKRA CRI) melihat jenayah adalah bidang kedua terbesar menjadi kebimbangan rakyat selepas ekonomi melalui kajian yang dilakukan.

Menerusi 14 tajuk sub tema sosial yang dianalisis, isu jenayah dan ancaman keselamatan mendominasi tajuk muka depan akhbar BH untuk tempoh 12 bulan bagi tahun 2015 yang masing-masing mencatat 55 isu atau 31 peratus dan 30 isu atau 17 peratus, dipilih sebagai tajuk utama muka depan. Rajah 2 menunjukkan unjuran pecahan tajuk muka depan BH untuk tempoh Januari hingga Disember 2015 mengikut sub tema sosial.



Rajah 3: Pecahan Tajuk Utama Muka Depan BH di bawah sub tema sosial bagi Januari hingga Disember 2013

RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Akhbar di Malaysia bebas menyampaikan maklumat mengikut acuan dan polisi yang diwujudkan oleh pemilik media. Namun begitu kebebasan yang diberikan oleh kerajaan bukan bersifat mutlak kerana ia hadir dengan beberapa undang-undang sebagai landasan dan rujukan sebelum sesuatu berita itu boleh disampaikan kepada masyarakat. Hal ini demikian, media yang merupakan sumber maklumat kepada masyarakat selain tugas utama memberitahu keadaan semasa turut mempunyai kepentingan sosial yang harus dipikul. Teori tanggungjawab sosial memperlihatkan media berhak memaklumkan apa yang benar, perlu diketahui oleh masyarakat pada masa sama juga harus memastikan berita disampaikan tidak mendatangkan mudarat kepada masyarakat. Kebenaran mencari dan mencetak maklumat merupakan tunjang utama tetapi ia hadir dengan batasan yang perlu diikuti.

Melihat dari sudut positif, undang-undang yang digubal bersangkutan dengan media adalah sebagai panduan untuk mengekang perkara-perkara buruk daripada berlaku. Contoh mudah, sekiranya tiada akta fitnah diwujudkan sudah pasti pelbagai berita yang tidak benar, tiada sumber akan disiarkan dan masyarakat menerima dan percaya apa yang disiarkan sebagai benar. Dalam era globalisasi yang menyaksikan media konvensional bersaing dengan media baharu dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat pelbagai teknik telah dan sedang digunakan. Persaingan ini sebenarnya memberikan kelebihan kepada masyarakat untuk mendapatkan maklumat yang tepat, cepat, telus dan eksklusif. Keghairahan pemilik media bagaimanapun sedikit sebanyak mengundang kecelaruan kepada masyarakat untuk mempercayai berita yang disiarkan. Lebih memburukkan keadaan maklumat yang diterima mencetuskan pelbagai perkara yang akhirnya boleh menjadi ancaman keselamatan, keharmonian dan keadaan negara yang tidak stabil.

Pengamal media di Malaysia sebenarnya terikat dengan Kod Etika Kewartawanan yang digariskan oleh Kesatuan Wartawan Kebangsaan Malaysia (NUJM) sebagai panduan dalam melahirkan berita yang bertepatan dengan pengamalan konsep Teori Tanggungjawab Sosial Media. Kod Etika tersebut menggariskan a) Menghormati kebenaran dan hak orang ramai untuk mendapatkan laporan yang benar. Mempertahankan dua prinsip penting iaitu kebebasan mencari dan mencetak laporan, secara jujur dan hak mengulas dan menegur secara adil tanpa tekanan daripada mana-mana pihak; b) Laporan yang dibuat hanya berdasarkan fakta-fakta yang jelas dan sahih daripada sumber yang jelas dan sah. Cara yang digunakan untuk mendapatkan berita, gambar dan dokumen hendaklah secara jujur dan mengikut undang-undang; c) Sanggup menyiarkan kembali kenyataan yang benar jika berlaku kesilapan dalam awal laporan dan memelihara supaya tidak menyiarkan sumber jika diminta berbuat demikian; d) Mengelakkan kesalahan besar dengan sengaja yang termasuk melakukan plagiarisme, fitnah, tohmahan, cacian, tuduhan tanpa asas, rasuah supaya menyiar atau menyembunyikan sesuatu dalam laporan; dan e) Tidak tunduk kepada sebarang tekanan, paksaan atau ancaman untuk mempengaruhi keputusan terhadap laporan yang difikirkan penting dan patut diketahui umum.

Perkara ini selaras sebagaimana yang ditegaskan oleh Christians & Nordenstreng (2004) bahawa kod etika dalam ruang yang luas disebut sebagai teori tanggungjawab sosial. Kod etika sebagai panduan manusia bertingkah laku dalam kehidupan. Dalam konteks teori tanggungjawab sosial kod etika ini menyumbang perubahan daripada media dilihat sebagai sebuah pusat yang profesional kepada hubungan media-masyarakat dalam menuju tanggungjawab sosial sebahagian daripada asas warganegara berhemah. Kod etika merupakan asas dalam pembentukan moral dalam hidup secara keseluruhan sebagai asas sebuah kehidupan yang suci melibatkan kebenaran memberitahu, tidak mendatangkan mudarat kepada mereka yang tidak bersalah dan menjaga kehormatan sesama manusia.

Daripada analisis data jelas menunjukkan wujud tanggungjawab sosial yang dimainkan oleh BH dalam memilih tajuk utama muka depan akhbar mereka bagi tempoh kajian Januari hingga Disember 2013. Paling ketara teori tanggungjawab sosial diaplikasikan dalam pemilihan tajuk utama muka depan BH bagi bulan Mac 2015 yang melibatkan tajuk utama jenayah dan ancaman keselamatan. Mac 2015 menyaksikan tragedi yang berlaku di Lahad Datu sebagai satu ancaman keselamatan kepada negara. Ia menjadi satu isu nasional dan memperlihatkan ketegasan kerajaan dalam memastikan kedaulatan Sabah dan rakyatnya terpelihara. BH telah memainkan peranannya dalam memastikan sumber berita yang diperoleh tepat, dan rakyat mendapat maklumat terkini. Bagi menarik perhatian pembaca, BH telah menggunakan gambar berserta pemilihan tajuk utama yang sesuai untuk disiarkan sebagai muka depan akhbar terbitan mereka berhubung isu berkenaan. Nilai berita (*newswirthisness*) seperti, ketepatan, kedekatan dan kepentingan diambil kira oleh pengempang maklumat dalam memilih isu untuk dijadikan muka depan BH. Di sini jelas menunjukkan kuasa media selain sebagai mempromosi idea dan imej tertentu, mereka juga menjadi pengempang maklumat kepada masyarakat sebagaimana yang disarankan oleh McQuail (2002).

Selain itu tanggungjawab sosial yang dipaparkan melalui pemilihan tajuk utama muka depan BH sepanjang tahun 2013 turut memperlihatkan usaha media tersebut dalam menyokong dasar kerajaan. Contohnya sejumlah 174 isu berhubung sosial dipilih sebagai tajuk utama muka depan BH. Daripada jumlah tersebut sebanyak 55 isu atau 31 peratus bertumpu kepada pemaparan berita jenayah. Berita jenayah dipaparkan sebagai maklumat kepada masyarakat supaya sentiasa berwaspada dengan persekitaran dan memberi input terkini kepada mereka. Dengan ini sebarang perkara yang menjurus kepada berlakunya jenayah

dapat dielakkan oleh masyarakat dengan mengambil langkah-langkah perlu. Ini sebagai salah satu cara BH menyumbang kepada menyokong dasar kerajaan dalam membendung atau membanteras jenayah. Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang dilaksanakan bermula tahun 2010 merupakan program menyeluruh untuk menjadikan kerajaan sebagai sebuah institusi yang lebih cekap dan berpegang kepada rakyat. Bagi melaksanakan GTP, kerajaan telah membina struktur pelaksanaannya yang meliputi kepada dua teras utama iaitu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA). Dalam konteks pemilihan berita jenayah sebagai tajuk muka depan akhbar BH, ia menyokong struktur GTP yang pertama iaitu NKRA. Pelaksanaan NKRA Mengurangkan Jenayah (NKRA-CRTED) adalah keputusan mudah yang dibuat oleh Kerajaan selepas kajian menunjukkan bahawa jenayah adalah bidang kedua terbesar menjadi kebimbangan selepas ekonomi. Dengan ketidakpuasan orang awam terhadap isu keselamatan yang meliputi statistik jenayah terhadap perkhidmatan polis, NKRA telah ditugaskan untuk mengendalikan pembaikpulihan sistem tersebut. Beberapa inisiatif untuk menterbalikkan trend dalam jenayah dan meningkatkan kepuasan orang awam terhadap perkhidmatan polis yang membawa hasil laporan yang memberangsangkan. Beberapa program dibentuk, seperti *Omnipresence* dan Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran (CPTED) telah diperkenalkan untuk menyelesaikan masalah dari pelbagai sudut diwujudkan dalam GTP 1.0.

Malaysia yang bakal menjadi negara maju pada 2020 tidak mahu menjadikan kadar jenayah yang tinggi sebagai satu tanda aras majunya sesebuah negara sebagaimana yang berlaku di Amerika Syarikat dan negara Eropah lainnya. Kemajuan sewajarnya seiring dengan majunya tamadun rakyat, diukur dari sudut daya intelek, budaya dan reka cipta rakyatnya. Sehubungan itu bagi memastikan proses pembangunan masyarakat dan negara dapat berjalan dengan baik institusi media yang berkhidmat kepada masyarakat perlu bertanggungjawab atas setiap kandungan penerbitan dalam era globalisasi yang menyaksikan demokrasi maklumat berkembang.

RUJUKAN

- Adams-Bloom, T., & Cleary, J. (2009). Staking a Claim for Social Responsibility: An Argument for the Dual Responsibility Model. *The International Journal on Media Management*, 11, 1–8.
- Blake, R. H., & Haroldsen, E. O. (1979). *A Taxonomy of Concepts in COmmunication*. New York: Hasting House.
- Chang, T. K., & Lee, J. W. (1992). Factors Affecting Gatekeepers' Selection of Foreign News: A National Survey of Newspaper Editors. *Journalism & Mass Communication Quarterly*, 69(3), 554–561.
- Christians, C. G., & Nordenstreng, K. (2004). Social Responsibility Worldwide. *Journal of Mass Media Ethics*, 19(1), 3–28.
- Clayman, S. E., & Reisner, A. (1998). Gatekeeping in Action: Editorial Conferences and Assessments of Newsworthiness. *American Sociological Review*, 178–199.
- Couldry, N. (2003). *Media Rituals: A Critical Approach*. London: Routledge. Retrieved from http://books.google.com.my/books?id=tTDVxIcMc4YC&printsec=frontcover&dq=media+ritual&hl=en&sa=X&ei=G2bpU_KKA4nboASRhoDgDQ&ved=0CBwQ6AEwAA#v=onepage&q=media+ritual&f=false
- Finnegan, R. J. (1942). Social Responsibilities of the Newspaper. *The ANNALS of the American Academy of Political and Social Science*, 219(1), 166–168. doi:10.1177/000271624221900126

- Hansen, C. A., Negrine, R., & Newbold, C. (Eds.). (1998). *Mass Communication Research Methods*. London: Macmillan Press.
- Harcup, T., & O'niell, D. (2001). What is News? Galtung and Ruge Revisited. *Journalism Studies*, 2(2), 261–280.
- Harriss, J., Leiter, K., & Johnson, S. (2000). *The Complete Reporter: Fundamentals of News Gathering, Writing and Editing* (Seventh Ed). Illionis: Pearson.
- Hasmah Zanuddin, ., & King, Y. (2006). Peranan Akhbar dan Maklum balas sosial: Berita Jenayah Akhbar Harian Metro. In . Hamed Mohd Adnan & . Rahman Shaari (Eds.), *Media di Malaysia: Mendukung Citra Bangsa* (pp. 97–118). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Maeseneer, D. P. (1986). *Inilah Berita: Manual Berita Radio*. (. Mohd Safar Hasim, Ed.) (Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masterman, L. (2001). A rationale for media education. In R.Kubey (Ed.), *Media Literacy in the information Age: Current perspectives and behaviour* (pp. 15–68). New Jersey.
- McQuail, D. (Ed.). (2002). *McQuail's Reader in Mass Communication Theory*. London: Sage Publications.
- McQuail, D. (2010). *Mass Communication Theory: An Introduction* (6th ed.). London: Sage Publications.
- Mohd Safar Hasim, . (1996). *Akhbar dan Kuasa: Perkembangan Sistem Akhbar di Malaysia sejak 1806*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Normah Mustafa, ., Faridah Ibrahim, ., & Mus Chairil Samani, . (2009). The Effect of pictures on the order of assessing online war stories. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 25, 13–20. Retrieved from http://www.ukm.my/jkom/journal/pdf_files/2009/V25_2.pdf
- Sharizan Sailan, . (2015, September 18). Bilangan Pembaca BH meningkat kepada 1.225 juta. *Berita Harian*. Kuala Lumpur. Retrieved from <http://www.bharian.com.my/node/82929>
- Siebert, F. S., Peterson, T., & Schramm, W. (1976). *Four Theories of the Press: Authoritarian, Libertarian, Social Responsibility and Soviet Communist Concepts of What the Press Should Be and Do*. Urbana: University of Illinois Press.
- Snider, J., Hill, R. P., & Martin, D. (2003). Corporate Social Responsibility in the 21st Century. *Journal of Business Ethics*, 48, 175–187.
- Spencer, M. L. (2009). *News Writing: The Gathering, Handling and Writing of News Stories* (The Projec). UNESCO.
- Walizer, M. H., & Wiener, P. L. (1978). *Research Methods and Analysis*. New York: Harper & Row.
- Wimmer, R. D., & Dominick, J. R. (1991). *Mass Media Research: An Introduction* (9th ed.). Belmont, CA: Wadsworth.